

## RAMADAN

## Aspek penguatkuasaan bulan Ramadan perlu diperluas

Alhamdulillah, bulan yang dinanti umat Islam, Ramadan Al-Mubarak sudah tiba. Ia sememangnya dinantikan kerana Ramadan menjanjikan peluang besar untuk umat Islam meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Surah al-Baqarah, Ayat 183 menjelaskan: "Wahai orang yang beriman, diwajibkan (diwajibkan) ke atas kamu puasa seperti mana difardukan ke atas orang sebelum kamu, semoga kamu bertakwa."

Namun, ramai terlepas pandang bahawa tujuan utama puasa bukan sekadar menahan daripada makan dan minum. Jika dilihat ayat dinyatakan, walaupun ia menyebut puasa secara umum, tetapi ulama mengatakan yang dimaksudkan adalah puasa Ramadan secara khasnya. Firman Allah SWT yang menyatakan 'semoga kamu bertakwa,' sekali gus menunjukkan matlamat utama bukan sekadar lapar dan dahaga.

Hal ini turut dijelaskan dalam hadis sahih, antaranya Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa yang tidak meninggalkan perkataan dusta dan beramal dengannya berbuat maksiat, maka Allah

SWT tidak berhajat untuk dia meninggalkan makan dan minumannya." (Riwayat Al-Bukhari).

**Buru orang Islam tak puasa**

Apabila tiba Ramadan, sering kedengaran di kaca televisyen serta radio operasi membanteras serta menangkap umat Islam yang tidak berpuasa. Namun, berdasarkan penerangan diberikan, aspek pembanteras oleh pihak berkuasa juga harus diperluaskan selain kesalahan makan dan minum pada bulan puasa.

Pelbagai seksyen wujud di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) serta Akta Kesalahan Jenayah Syariah di Negeri-Negeri di seluruh Malaysia yang memberi fokus kepada kesalahan syariah yang boleh dikategorikan kesalahan tidak menghormati bulan Ramadan selain aspek larangan makan dan minum pada waktu puasa.

**Kuat kuasa undang-undang**

Contohnya, Seksyen 15 Akta 559 yang bertajuk tidak menghormati Ramadan memberi fokus bukan sahaja larangan makan dan minum sepanjang waktu berpu-

sa, malah larangan kepada umat Islam untuk menghisap merokok atau benda lain seumpamanya sepanjang waktu berpuasa. Menurut seksyen terbabit, apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1,000 penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau keduanya dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh didenda

“*Ramai terlepas pandang bahawa tujuan utama puasa bukan sekadar menahan dari makan dan minum. Firman Allah SWT yang menyatakan 'semoga kamu bertakwa,' menunjukkan matlamat utama bukan sekadar lapar dan dahaga*”

tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau keduanya.

Terdapat beberapa seksyen dalam akta terbabit yang boleh dikuatkuasakan bagi memastikan umat Islam menghormati bulan mulia ini seperti Seksyen 18 yang membabitkan perjudian, Seksyen 21 (pelacuran) dan Seksyen 29 (melarang perbuatan tidak sopan di tempat awam). Pemantauan juga perlu dilakukan terhadap premis makanan yang sudah mula kelihatan menawarkan bufet Ramadan.

Tawaran ini perlu mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan khususnya berkaitan status halal seperti diperuntukkan melalui Akta Perihal Dagangan (APD) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) dan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Akta terbabit dan Perintah-Perintah subsidiarinya memberi perlindungan kepada peniaga serta pengguna daripada sebarang amalan perdagangan atau aktiviti perniagaan tidak sihat atau yang bertentangan dengan Hukum Syarak.

Sesungguhnya puasa itu melatih dan mendorong seorang

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bharian.com.my](mailto:bhforum@bharian.com.my)

Muslim berakhlak mulia serta melatih dirinya menjadi umat Islam yang taat kepada Allah SWT. Namun, ia tidak akan diperoleh kecuali dengan menjaga puasa dari beberapa perkara seperti yang dinyatakan. Semoga Ramadan tahun ini membawa seribu rahmat serta ganjaran pahala yang banyak buat semua umat Islam.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Universiti Sains Islam Malaysia